

## Wawancara

**Kos pengambilan PDI dikatakan tinggi. Adakah kerajaan antara kedua-dua negara sudah mencapai kata putus dalam aspek pengurangan kos?**

Sebelum penularan pandemik, kita perlukan sekurang-kurang RM12,000 untuk seorang pekerja. Semasa pandemik, disebabkan kuarantin, maka jumlah ditambah menjadi RM3,000 sehingga mencecah RM15,000. Kadar ini memang tinggi. Jadi, usaha mengurangkan kadar ini akan dilakukan.

Dalam pertemuan saya dan rakan sejawat, kita melihat dua konteks berbeza. Indonesia melihat dalam konteks kebajikan dan kita dalam konteks harga. Indonesia ada alasannya.

Mereka kata PDI datang dari pelbagai wilayah termasuk pedalaman dan bukan dari satu tempat sahaja. Jadi, sebelum mereka dihantar ke Jakarta dan Kuala Lumpur, mereka terpaksa lalui pelbagai agen. Daripada satu agen ke satu agen. Jadi, kos lagi jauh dia datang lagi mahal. Itu alasan Indonesia. Walaupun mereka datang dari jauh, kita akan cuba mencari jalan. Mungkin bayar satu agen sahaja dahulu. Jadi, kita jangka kadar tersebut mampu diturunkan.

Pada Mesyuarat Kerja Bersama Kali Ke-3 yang melibatkan kedua-dua negara, Malaysia dan Indonesia bersetuju menyemak kos pengambilan yang telah ditetapkan sebelum ini berdasarkan kepada kadar berbeza mengikut wilayah-wilayah di Indonesia.

Penyemakan kos pengambilan mengikut kadar berdasarkan wilayah-wilayah di Indonesia akan dibincangkan semula pada sesi Mesyuarat Kerja Bersama Kali Ke-4 yang dijadualkan pada bulan ini atau Julai nanti.

**HENTIKAN PENGAMBILAN**  
**Adakah Malaysia bersedia seandainya Indonesia menghentikan pengambilan pekerja dari negara tersebut?**

Kalau kita lihat setakat 30 April lalu, terdapat seramai 425,801 orang pekerja Indonesia digajikan dalam pasaran buruh tempatan. Kebanyakan mereka bekerja di negara ini untuk memenuhi sektor pekerjaan asas berkemahiran rendah.

Dalam masa sama, terdapat 15 negara lain yang turut membekalkan tenaga kerja kepada negara kita. Kita akui bahawa Indonesia merupakan salah satu negara sumber utama yang membekalkan tenaga kerja. Bagaimanapun, beberapa negara utama lain seperti Bangladesh, Nepal, Myanmar, India, dan Pakistan boleh membekalkan tenaga kerja yang diperlukan kita. Seandainya kita terlalu bergantung kepada satu-satu negara, ini akan menimbulkan kekangan dan masalah kecekapan pasaran buruh.

Di samping itu, kebergantungan yang tinggi terhadap sesebuah negara juga boleh menyebabkan negara itu mengambil kesempatan untuk mengenakan tindakan drastik seperti moratorium sementara sekiranya terdapat apa-apa isu dan pertikaian di antara dua negara.

**LAMBAKAN PEKERJA ASING**  
**Kementerian Sumber Manusia sedar isu lambakan pekerja asing?**

Kalau dilihat dalam konteks pekerjaan, sebenarnya pekerja asing dibawa ke



WARTAWAN *Mingguan Malaysia* menemu bual V. Sivakumar di Putrajaya, pada Isnin lalu.

negara ini bukan untuk meniaga. Kalau mereka datang untuk berniaga itu salah.

Masalahnya, apabila sudah masuk ke sini, secara perlahan-lahan mereka keluar daripada skop pekerjaan sebenar sehingga ada yang meniaga.

Ada juga yang saya tahu berkahwin dengan orang tempatan dan jalankan aktiviti perniagaan. Tidak dinafikan memang ada tempat berlaku lambakan. Tetapi ada juga tempat yang mereka kurang. Yang jadi lambakan ini kebanyakan mereka ialah pendatang asing tanpa izin (PATI).

Di samping masalah lambakan PATI, kita juga ada masalah lain apabila ada majikan tidak bertanggungjawab dan membiarkan mereka sebaik masuk ke negara ini (secara sah). Ini amaran saya kepada majikan. Ambil pekerja apabila benar-benar memerlukan. Bukan biarkan mereka keseorangan.

Baru-baru ini ada insiden di mana pekerja asing yang masuk ke negara kita dalam jumlah yang ramai, tetapi akhirnya terkandas. Tiada siapa (majikan) yang mahu ambil mereka sebaik sampai ke sini. Syarikat itu kemudian menafikan kata mereka tidak buat dan ini semestinya mendatangkan masalah. Kalau mereka masuk secara sah, kita akan tempatkan di sektor yang diperlukan.

Masalahnya kenapa mereka (majikan) masuk sedangkan tidak diambil untuk bekerja? Kebanyakan mereka yang terkandas dari Nepal dan Bangladesh.

Baru-baru ini di Nilai, Negeri Sembilan, kita serbu tiga rumah kedai. Hampir 400 orang kita selamatkan. Mereka terkandas lebih sebulan tanpa ada pekerjaan. Kita selamatkan mereka dan bawa ke Peningapan Pekerja Berpusat (CLQ) sebelum ditempatkan pada syarikat yang memerlukan.

Jadi, ini salah satu bentuk penganiayaan. Setakat ini, kita telah selamatkan seramai 832 pekerja asing yang dibawa masuk secara sah tetapi tidak diberikan kerja.

Dan daripada jumlah ini, kita berjaya memberikan pekerjaan kepada 375



**Tetapi apabila saya sebut RM1,500, ia sentiasa disalah erti masyarakat dan majikan atau kadang-kala majikan sengaja tidak faham bahawa gaji minimum ini bukan mandatori."**

pekerja melalui proses pertukaran majikan yang masih dalam tindakan untuk dokumentasi keseluruhan

**PELAKSANAAN GAJI WAJAR**  
**Mampukah kita melaksanakan gaji wajar?**

Itu bukan sesuatu yang mustahil untuk dilaksanakan. Hari ini kita menggunakan kriteria paras gaji minimum iaitu sebanyak RM1,500. Tetapi apabila saya sebut RM1,500, ia sentiasa disalah erti masyarakat dan majikan atau kadang-kala majikan sengaja tidak faham bahawa gaji minimum ini bukan mandatori.

Kalau awak cakap saya RM1,500, ini minimum. Dalam keadaan paling teruk iaitu kalau tidak mampu bayar lebih sekurang-kurangnya itulah bayarannya (RM1,500).

Akan tetapi hari ini jadi fenomena pula apabila banyak majikan yang bayar pada kadar ini walhal boleh sahaja bayar RM1,600 atau RM1,800. Kalau kita tetapkan paras gaji minimum RM1,700 atau RM1,800 mereka tetap letakkan pada kadar tersebut.

Motif utama sebab mahu buat keuntungan besar. Ini situasi semasa. Pada kadar gaji seperti ini, awak pun faham tiada apa yang boleh dilakukan.

Persoalannya, bagaimana kalau seseorang yang ada TVET? Berapa pula kadar gaji untuk graduan itu apabila

mahu masuk pasaran kerja berbanding yang berkelulusan SPM? Kalau mereka yang ada kelulusan TVET pun dibayar RM1,500, ini ada sesuatu yang tidak kena

Sebab itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi ada sebut untuk graduan TVET, mereka perlu diberi gaji RM3,000 supaya ada perbezaan. Kalau tidak orang akan fikir cukuplah belajar setakat SPM. Kerajaan serius untuk melaksanakan gaji progresif.

Konsep ini sama seperti mana di Singapura. Ia akan naik berdasarkan tempoh perkhidmatan, pengalaman dan pendidikan. Maknanya, gaji pekerja boleh naik tahun berikutnya dengan mengikut syarat tertentu.

Saya sudah beritahu bahagian dasar untuk membentuk satu jawatankuasa bagi melihat dan mengkaji secara terperinci tentang perkara ini.

Dalam Ogos nanti saya akan bentangkan gaji progresif pada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Ini tugas penting untuk saya dan kementerian meneliti kaedah dan formulanya. Boleh jadi pelaksanaannya nanti mengikut wilayah dan kawasan serta bukan lagi standard seperti sekarang iaitu RM1,500 untuk semua. Ini komponen yang diperlukan.

Ini memang agak kompleks tetapi lagi bagus berbanding gaji minimum yang kita lihat tidak praktikal. Mengapa saya katakan begitu?

Saya bagi contoh, katakanlah sekarang gaji minimum RM1,500 dan Chin bekerja dengan saya lima tahun. Dia bermula dengan gajin RM800. Kemudian selepas beberapa tahun gaji minimum ditetapkan pada kadar RM1,500. Dua hari selepas itu, ada pekerja baharu masuk dengan gaji sama dengan Chin iaitu RM1,500. Kalau saya naikkan RM1,700 gaji Chin iaitu RM200 lebih sedikit daripada pekerja baharu tadi pun, ia tidak adil. Sebabnya, pengalaman dan kepakaran.

Maka sebab itu, kita sedang merangka segala pelan dengan terperinci berhubung gaji progresif.